

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 23 FEBRUARI 2009, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 5

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1221-L17110
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
 - (a) apakah peranan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dalam usaha mengaktifkan semula anggota bomba sukarela di setiap kawasan Parlimen; dan
 - (b) adakah pihak Kementerian bercadang untuk memberi elaun dan insurans perlindungan kepada mereka.
2. PR-1221-L17372
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang meminda Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dengan memperuntukkan tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, termasuk untuk menukar agamanya (kecuali bagi penganut Agama Islam yang hendak tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam).
3. PR-1221-L17162
Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah untuk meramaikan usahawan kecil dan sederhana dalam industri asas tani terutama di kawasan luar bandar serta insentif dan latihan perniagaan yang diberi berserta jumlah usahawan dan peruntukan yang telah dan akan disalurkan.

4. PR-1221-L16973
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah keseluruhan perbelanjaan dan peruntukan untuk mengadakan Pilihan Raya Umum 2008 dan Pilihan Raya Kecil (P044) Permatang Pauh dan (P036) Kuala Terengganu yang lalu.
5. PR-1221-L18270
Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan memandangkan negara ini masih belum mencapai matlamat 'the last mile' yang disasarkan dalam pelaksanaan Dasar Jalur Lebar (Broad Band). Apakah sebabnya dan berapa jumlah syarikat yang diberi lesen untuk jalur lebar sehingga akhir 2008.
6. PR-1221-L17451
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jaminan Kerajaan bahawa agensi dan institusi milik Kerajaan yang berkepentingan sosial tidak dijual kepada pihak swasta seperti Institut Jantung Negara (IJN) pada masa akan datang.
7. PR-1221-L18011
Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasionalnya pelaksanaan konsep "private financing initiatives" (PFI) apabila sokongan dan sumbangan kewangan Kerajaan masih diperlukan bagi menjayakan projek swasta seperti pembinaan lapangan terbang baru di Labu.
8. PR-1221-L17612
Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pekerjaan hari ini di Malaysia semakin kompetitif, manakala bilangan graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian semakin meningkat. Apakah usaha Kerajaan agar graduan ini dapat berdikari atau menjadikan dunia global sebagai pentas mereka mencari pekerjaan.
9. PR-1221-L17856
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan berkuasa untuk menetapkan piawaian perakaunan yang digunakan oleh syarikat di negara ini dan jelaskan sama ada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) telah diberikan pengecualian dari melaporkan akaun mereka dari menggunakan piawaian antarabangsa terutamanya mengenai nilai aset. Berikan sebabnya, jika ada.

10. PR-1221-L17507
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah rebat petrol yang telah dibayar kepada pemilik-pemilik kenderaan yang berjaya memperbaharui cukai jalan setakat 31 Januari 2009 yang diuruskan oleh Pos Malaysia Berhad dan berapakah kes penipuan yang dapat dikesan.
11. PR-1221-L17937
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian membuat perancangan untuk membina Pusat Latihan Sukan bagi Orang Kurang Upaya di negara ini.
12. PR-1221-L18035
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sebab syarikat Airport Limosin Malaysia menyewakan teksi KLIA dengan harga yang mahal sebanyak RM 166 setiap hari. Manakala sewa teksi bandar hanya RM60 setiap hari untuk kenderaan yang sama. Apakah tindakan yang akan diambil supaya nasib pemandu teksi KLIA dapat dipelihara.
13. PR-1221-L16860
Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan terus membayar kepada pihak keturunan Sultan Sulu wang sebanyak RM5300.00 atau ada rancangan untuk menyelesaikan secara muktamad perkara tersebut dengan pihak yang berkenaan.
14. PR-1221-L18328
Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perbelanjaan di bawah peruntukan Dana Khas dari wang royalti petroleum oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri di Malaysia dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk tempoh 2000 hingga 2008. Sila nyatakan nama projek berkenaan dan di mana perbelanjaan itu dibuat.
15. PR-1221-L17709
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membantu pelajar-pelajar yang mendapat tawaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) khususnya dari kawasan pedalaman di Sabah bagi menampung kos penerbangan ke Semenanjung ataupun Sarawak.

16. PR-1221-L16678
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bilangan kilang amang yang masih beroperasi dan kilang baru yang akan beroperasi. Adakah Kementerian meletakkan syarat-syarat ketat terutama dari segi pelupusan sisa radioaktif dan sumbangan wajib sebanyak 1% dari keuntungan mereka untuk tabung R&D sebagaimana syarat dikenakan kepada IPP.
17. PR-1221-L17142
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah program satu daerah satu industri diperluaskan di negeri Sarawak. Jika tidak, kenapa. Jika ya, nyatakan aktiviti, jumlah peruntukan dan hasil kutipannya oleh pihak Kerajaan.
18. PR-1221-L16915
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah statistik graduan yang mempunyai kelulusan kejuruteraan dan sains industri memohon ke program KPLI dan adakah pihak Kerajaan merasakan kemasukan para graduan jurutera dan graduan sains industri ke program KPLI merupakan satu kerugian dan merupakan Brain Drain dalam negara.
19. PR-1221-L16566
Tuan Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan sedar bahawa golongan pendidik atau guru-guru sekolah di negara ini terlalu banyak dibebani dengan tugas-tugas perkeranian dan ini memberi kesan negatif terhadap proses pembelajaran dan pada masa yang sama boleh menurunkan prestasi perkhidmatan mereka, contohnya sewaktu pembukaan sekolah guru-guru diarahkan menjalankan kerja-kerja mengutip yuran.
20. PR-1221-L16726
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan mengkaji sebuah Pelan Induk Alam Sekitar untuk Taman Negara Pulau Pinang dengan memastikan segala pembangunan pengurusan Taman Negara mengikut Akta Taman Negara 1980 (akta 226).
21. PR-1221-L16969
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat mana 125 syor Laporan Suruhanjaya Diraja dilaksanakan, keadaan pengambilan rekrut untuk mencapai 150,000 anggota, semangat PDRM dan penerimaan rakyat.

22. PR-1221-L17939
Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menukarkan nama rasmi “Mat Rempit” yang telah diberikan “glamor” kepada “nyamuk”, “kelekatu” ataupun “lipas” untuk menghilangkan dan menurunkan “glamor” terhadap aktiviti ini.
23. PR-1221-L16689
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) berapakah saiz modal Bursa Malaysia; dan
 - (b) nyatakan di tangga ke berapakah saiz modal pasaran Bursa Malaysia berbanding dengan bursa negara lain.
24. PR-1221-L17981
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha dan strategi menonjolkan imej Malaysia dalam menyediakan pasukan bantuan bencana atau kemanusiaan di peringkat antarabangsa dan berapakah jumlah bantuan yang disalurkan oleh Malaysia melalui dana yang dikumpulkan oleh pelbagai NGO dan sektor Swasta dalam membantu rakyat Palestin.
25. PR-1221-L17211
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dirancang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan amnya dan pihak Kementerian khususnya bagi menangani masalah pekerja yang diberhentikan kerja akibat daripada kelembapan ekonomi yang melanda dunia kini.
26. PR-1221-L16636
Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Dewan Konvensyen di Putrajaya dapat mengadakan aktiviti-aktiviti tertentu memandangkan ianya kurang di guna pakai.
27. PR-1221-L16594
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah cadangan dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengimbangi bilangan kakitangan di sektor awam mengikut kaum, kualiti, jantina dan juga golongan Orang Kurang Upaya.

28. PR-1221-L16646
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) senarai Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina di negeri Sabah yang akan diberi peruntukan Bantuan Modal dan jumlah peruntukan bagi setiap sekolah; dan
 - (b) apakah kriteria yang digunakan untuk menjustifikasikan jumlah peruntukan bagi setiap sekolah.
29. PR-1221-L17093
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah hasil kajian / dapatan beban tugas guru yang di buat tahun 2007.
30. PR-1221-L16956
Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah-masalah pencemaran dan juga keruntuhan tebing sungai bagi sungai-sungai di seluruh negara.
31. PR-1221-L17429
Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah syarat-syarat pengambilan pengawal keselamatan warga asing yang dibenarkan untuk menjadi pengawal keselamatan di kawasan perumahan atau di pusat membeli belah.
32. PR-1221-L16923
Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kenapa pembinaan Sekolah Kebangsaan Lubok Antu, SK San Semanju dan SK Engkilili belum lagi bermula hingga sekarang sedangkan dalam jawapan lisan oleh Allahyarham Datuk Razali Ismail, Timbalan Menteri Pelajaran dahulu mengesahkan bahawa ianya bermula dalam bulan Ogos, 2008.
33. PR-1221-L17363
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapa pasar raya besar (hypermarkets) dibenarkan beroperasi dan apakah syarat-syarat pembukaan tersebut.
34. PR-1221-L17739
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah yang menyebabkan pihak Kementerian melambatkan pemberian kelulusan kepada permohonan pihak Lembaga Pengurusan Sekolah Cina di seluruh negara berhubung dengan permohonan perpindahan sekolah di sesuatu tempat ke sesuatu tempat.

35. PR-1221-L16791
Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) berapa sebenarnya kos membaiki dan menaik taraf kemudahan pengangkutan kereta api negeri Sabah; dan
 - (b) siapakah kontraktor pelaksana projek berkenaan.
36. PR-1221-L17420
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status perancangan menaik taraf jaringan pengangkutan awam di sekitar kawasan pusat membeli-belah Mid Valley.
37. PR-1221-L18298
Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kos yang dibayar oleh Kerajaan untuk buku-buku pasport baru termasuk “microchip” yang ada di dalamnya, nama syarikat yang mendapat kontrak untuk membekalkan buku tersebut, tempoh kontrak dan adakah kontrak diberi secara tender terbuka.
38. PR-1221-L17348
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah rancangan sebenar pihak Kementerian dalam usaha memartabatkan dan memperkasakan sekolah-sekolah ataupun Fakulti Pengajian Perniagaan di IPTA-IPTA, terutamanya dalam memastikan setiap IPTA kita mempunyai akreditasi antarabangsa seperti The Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB).
39. PR-1221-L18367
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah wang yang telah disalurkan untuk kegunaan atau melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Persekutuan (JKKP) sehingga hari ini dan adakah organisasi ini sah di sisi undang-undang.
40. PR-1221-L18110
Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [Batu Pahat] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan kemerosotan penonton Warta Perdana kepada jumlah terendah iaitu sebanyak 150,000 orang selepas waktu siaran ditukar ke jam 9 malam atas nama Nasional @ 1. Apakah rasional penjenamaan TV 1 yang dibuat tanpa merujuk kepada pandangan berbagai pihak.

41. PR-1221-L16653
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah faedah hasrat Kementerian hendak menswastakan bengkel kenderaan di Kem Batu Kontimen.
42. PR-1221-L16712
Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) perangkaan jumlah insentif pengeluaran makanan yang telah diberikan mengikut etnik dari tahun 2004 sehingga 2008; dan
 - (b) apakah strategi Kerajaan untuk menggalakkan permohonan insentif pengeluaran makanan bagi menangani krisis makanan.
43. PR-1221-L18188
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sasaran jangka masa pendek (1-2 tahun) Suruhanjaya Pilihan Raya dalam pendaftaran pemilih baru berumur 21 ke atas yang berjumlah 6 juta orang. Kenapa pendaftaran oleh Penolong Pendaftar dari parti-parti politik dan NGO tidak disambungkan. Kenapa pendaftaran automatik tidak dipertimbangkan.
44. PR-1221-L17692
Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana Kementerian akan menguatkuasakan pemakaian tali pinggang keledar bagi penumpang belakang kenderaan persendirian dari negara jiran seperti Republik Singapura dan Thailand.
45. PR-1221-L17790
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab dan bagaimana KWSP meningkatkan pelaburan dalam hartanah termasuk cadangan pembinaan KLIA Timur dan bagaimanakah pencaerum mendapat faedah dari pelaburan dalam hartanah setakat ini.
46. PR-1221-L17281
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang telah dibina sehingga akhir Disember 2008 di seluruh negara mengikut negeri-negeri dan dapatkah pihak Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) mempercepatkan proses kelulusan setiap permohonan yang dibuat, khususnya di kawasan Parlimen Maran memandangkan sambutan komuniti terhadap pembinaan rumah berkenaan akhir-akhir ini amat menggalakkan.

47. PR-1221-L18042
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pengangguran untuk setiap penggal sejak 2007 dan jumlah kehilangan pekerjaan dalam kegawatan ekonomi pada tahun ini dan tahun depan untuk Malaysia dan berikan pecahan mengikut negeri. Apakah langkah menyelamatkan pekerjaan dan jumlah wang untuk mengatasinya, khususnya di Pulau Pinang.
48. PR-1221-L17316
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana keselamatan penggunaan E-Banking di negara Malaysia dan cara-cara untuk mengatasi masalah ini.
49. PR-1221-L16725
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan merangkakan Dasar-dasar Tebus Guna Tanah di Malaysia.
50. PR-1221-L18315
Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sehingga sekarang jumlah wang yang telah dibelanjakan serta kajian-kajian yang telah dijalankan bagi mencari sumber tenaga yang boleh diperbaharui bagi negara Malaysia terutamanya untuk Sabah dan Sarawak.
51. PR-1221-L18125
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan mengembalikan 'windfall tax' yang telah dikenakan terhadap pekebun kecil kelapa sawit di seluruh negara pada Julai, 2008 dan berapakah jumlahnya.
52. PR-1221-L16829
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan sekiranya ada pekerja yang kehilangan pekerjaan apabila syarikat mengecilkan operasi sekiranya kegawatan dijangka berlaku pada suku pertama dan kedua tahun ini.
53. PR-1221-L17441
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan Kerajaan Pusat sudah menubuhkan JKKP yang fungsi-fungsinya didapati serupa dengan JKKK yang dilantik oleh Kerajaan Negeri :-
- (a) sehingga kini, berapakah jumlah peruntukan bulanan yang sudah diberikan kepada JKKP; dan

- (b) apakah rasional Kerajaan Pusat yang dengan sewenang-wenang menggunakan wang atau peruntukan awam bagi JKPP yang bertindih dengan sistem yang JKPP sedia ada.
54. PR-1221-L16810
Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah benar bahawa bantuan di bawah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) akan dimansuhkan dan digantikan dengan E-Kasih. Kalau benar, nyatakan perbezaan di antara kedua-dua bantuan ini.
55. PR-1221-L17102
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah dan persiapan Kementerian dalam menghadapi kemelut ekonomi yang parah dan ratusan ribu pekerja yang akan dibuang kerja bermula tahun 2009.
56. PR-1221-L16571
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa banyakkah bayaran yang telah dibayar oleh Kementerian kepada Institut Jantung Negara (IJN) sejak penubuhan IJN sehingga 2008 bagi menampung kos rawatan penyakit jantung kepada kakitangan awam dan pesakit yang miskin.
57. PR-1221-L16593
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menjaga dan melindungi golongan pekerja pada masa kegawatan ekonomi yang telah melanda negara kini.
58. PR-1221-L18337
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan berapakah bilangan pengguna Internet yang berdaftar di Malaysia mengikut negeri.
59. PR-1221-L17866
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan gaji, elaun dan kemudahan-kemudahan yang diterima oleh CEO-CEO, Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah 20 GLC terbesar di bawah Khazanah Nasional Berhad.
60. PR-1221-L17663
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah ikan yu yang telah dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan rasuah sejak 1 Januari ini dan lain-lain indikator yang menunjukkan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia lebih berkesan daripada Badan Pencegahan Rasuah dalam membanteras rasuah.

61. PR-1221-L18189
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan nisbah siaran bentuk keagamaan, pendidikan dan hiburan di radio dan televisyen kendalian Kerajaan dan swasta.
62. PR-1221-L17593
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia mengambil pendirian yang lebih tegas berhubung isu Palestin dengan mengiktiraf PLO dan Hamas yang dipilih rakyat dalam pilihan raya secara demokratik di Palestin.
63. PR-1221-L17260
Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah produk hasil buatan Bumiputera Malaysia yang menembusi pasaran antarabangsa, ke negara mana dan peratus yang menembusi pasaran negara OIC.
64. PR-1221-L17463
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana kedudukan kewangan Syarikat PLUS Expressway Sdn. Bhd. seperti jumlah pendapatan, kutipan tol, perbelanjaan, bayaran cukai dan margin keuntungan setiap tahun dari 2001 hingga 2008. Juga jumlah keuntungan yang diagihkan kepada Kerajaan dan agensinya.
65. PR-1221-L16596
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan PERDA dalam pembangunan sosio-ekonomi negeri Pulau Pinang dan menjelaskan mengapakah agensi ini enggan bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan negeri Pulau Pinang.
66. PR-1221-L17991
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan mengikut item-item spesifik untuk perjalanan Pilihan Raya Kecil P036 Kuala Terengganu pada bulan Januari lepas yang perlu ditanggung oleh Kerajaan termasuk kos untuk kerahan 6,000 anggota polis.
67. PR-1221-L18047
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah keuntungan untuk Malaysia Airports Berhad untuk setiap tahun sejak 2000 dan berikan pecahan mengikut negeri. Nyatakan jumlah perbelanjaan baik pembinaan baru atau menaiktarafkan untuk tempoh yang sama. Nyatakan program untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, kosnya dan bila dimulakan.

68. PR-1221-L17174
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan nilai dan peratus kenaikan bahan makan, binaan dan pengangkutan sejak harga bahan api dinaikkan pada bulan Jun 2008 dan berapa banyak barangan / bahan yang dikembalikan harga kepada normal / biasa seperti sebelum Jun 2008.
69. PR-1221-L18032
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian ke atas tuduhan penyelewengan kewangan yang berlaku di dalam Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa). Apakah pindaan terhadap Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada tahun lepas membuka pintu kepada penyelewengan yang lebih besar kepada pergerakan koperasi.
70. PR-1221-L17792
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) mencatatkan kerugian kewangan besar RM18 bilion seperti yang dilaporkan dalam surat khabar pada 20 Januari 2009 dan memberi senarai penuh semua syarikat di mana Khazanah adalah pemegang saham serta jumlah saham yang dipegang oleh Khazanah dalam setiap syarikat tersebut serta jaminan kepada syarikat-syarikat tersebut dan catatan untung atau rugi mereka pada tahun-tahun kewangan 2006 hingga 2009.
71. PR-1221-L18397
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah akan dibina sebuah sekolah kluster dengan prasarana yang lengkap dan dapat digunakan oleh semua penduduk di sepanjang Sungai Limbang dan seterusnya menutup 5 buah sekolah di kawasan tersebut yang hanya mempunyai bilangan pelajar yang terlalu kecil dengan keadaan bangunan sekolah yang daif.
72. PR-1221-L18369
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kenapakah Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Negeri, institusi-institusi Ketua Kampung dan Penghulu tidak diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan seperti yang telah diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi.

73. PR-1221-L17009
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah wang pinjaman dan faedahnya yang masih tertunggak oleh syarikat-syarikat konsesi lebuhraya kepada Kerajaan melalui perjanjian tol dan mengapa tidak menamatkan perjanjian mereka dengan alasan hutang tersebut.
74. PR-1221-L17383
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah hasil siasatan rakaman video seks yang melibatkan Timbalan Presiden MCA, Dato' Chua Soi Lek. Mengapakah sehingga sekarang tidak ada sesiapa pun yang didakwa di dalam kes ini.
75. PR-1221-L17288
Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menswastakan pengurusan kebersihan sungai-sungai yang dikelaskan sebagai sangat tercemar.
76. PR-1221-L16807
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah barang keperluan yang harganya telah diturunkan berikutan kejatuhan harga minyak serta nyatakan nama barang-barang tersebut.
77. PR-1221-L17781
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sejauh mana TNB melaksanakan tanggungjawab sosial korporatnya dalam menyediakan bekalan elektrik kepada penduduk pedalaman dan terpencil yang tidak menguntungkan dari segi perniagaan.
78. PR-1221-L18103
Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) apakah perancangan Kerajaan untuk membangunkan pelabuhan Kuala Kedah dan Kuala Perlis sebagai "gateway" atau pintu masuk pelancong ke Langkawi; dan
 - (b) apakah rancangan Kerajaan untuk mendalam sungai-sungai Perlis dan Kedah atau mengubah pelabuhan yang ada sekarang ke tempat lain untuk keselesaan penumpang.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Razali bin Haji Ibrahim [Muar] dan masalah dicadangkan:-**

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kedua Belas.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (19 Februari 2009)

2.	(D.R. 31/2008)	Rang Undang-undang Perlindungan Saksi 2008.	Bacaan Kali Yang Kedua
3.	(D.R. 30/2008)	Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008.	“
4.	(D.R. 14/2008)	Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008.	“
5.	(D.R. 15/2008)	Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008.	“
6.	(D.R. 19/2008)	Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008.	“
7.	(D.R. 28/2008)	Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2008	“
8.	(D.R. 18/2008)	Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) 2008.	“
9.	(D.R. 20/2008)	Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008.	“
10.	(D.R. 26/2008)	Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2008.	“

11. (D.R. 29/2008) Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008. “
12. (D.R. 13/2008) Rang Undang-undang Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008 – **Pertimbangan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (28 Ogos 2008)**
13. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-
- “Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8 (3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM30 juta kepada Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. (KMPSB), suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuiti.”
14. PR-1221-U16540
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini, mengambil maklum bahawa fenomena pemanasan dunia (Global Warming) sejak akhir-akhir ini telah menjadi begitu serius dan negara Malaysia tidak terkecuali daripada hambatan fenomena ini. Dan mengambil maklum bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan ini, keadaan cuaca negara kita tidak lagi menentu di mana hujan dan panas tidak lagi bermusim. Keadaan ini telah menyebabkan kejadian banjir kilat, tanah runtuh dan banyak lagi kemusnahan alam sekitar yang lain. Dan mengambil maklum bahawa, kesan pemanasan dunia ini telah menyebabkan suhu air laut meningkat yang mana menyebabkan paras air laut meningkat dan kemusnahan terumbu-terumbu karang yang dahulunya menjadi sarang pembiakan hidupan marin. Dan mengambil maklum bahawa akhir-akhir ini, akibat daripada fenomena ini, ramai jiwa yang tidak berdosa juga turut terkorban. Maka, dengan ini hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk mengambil peranan secara aktif dan mengerahkan semua jentera Kerajaan untuk meminda dan menguatkuasakan undang-undang, sama ada yang sedia ada atau pun yang bakal dipinda, supaya mana-mana aktiviti yang boleh menyebabkan kemusnahan alam ini dapat dibendung atau dikurangkan ke tahap minima."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

15. PR-1221-U16550

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, negara Malaysia mula dipengaruhi dengan masalah polarisasi kaum. Dan mengambil maklum bahawa sekiranya polarisasi kaum ini tidak dibendung sekarang, negara akan terjunam ke kancan ketegangan dan perpecahan kaum. Dan mengambil maklum bahawa peranan untuk mengharmonikan hubungan antara kaum di negara ini boleh dipupuk dengan berbagai cara termasuklah peranan oleh Kerajaan badan-badan bukan Kerajaan, badan-badan keagamaan dan sebagainya. Dan mengambil maklum juga bahawa usaha Kerajaan dalam menangani masalah ini boleh dipanjangkan lagi kepada badan-badan yang dimaksudkan di atas. Dan mengambil maklum juga bahawa syarikat-syarikat termasuklah agensi-agensi Kerajaan atau para majikan juga boleh memainkan peranan yang penting ke arah keharmonian kaum di negara ini, di mana sekiranya para majikan menyediakan kuota bagi pengambilan pekerja mereka di semua peringkat. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membuat dasar-dasar atau akta meminta badan-badan yang disebutkan di atas untuk memainkan peranan dalam usaha ini dan dalam pada yang sama Kerajaan hendaklah memberikan mereka dana yang secukupnya bagi maksud ini. Maka dengan ini dewan ini hendaklah juga mengambil ketetapan untuk meminta dan memastikan majikan untuk mengamalkan pengambilan pekerja menurut pecahan kaum di negara ini."

(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

16. **Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)** akan mencadangkan :-

'Bahawa Dewan ini membincangkan kelakuan Tan Sri Zaki Tun Azmi, Ketua Hakim Negara Malaysia, dalam menyatakan tanpa sebarang syarat di Kuching pada 7hb November, 2008 bahawa apabila beliau merupakan seorang pengamal undang-undang pada tahun 1987, antara lain yang berikut:

"It took me six months to be nice, to bribe each and every individual to get back into their good books before our files were attended to. That was my personal experience and I am telling this to all clerks and all the registries to stop this nonsense."

dan kemudian menjelaskan [pada 8hb November, 2008, berkenaan laporan dalam akhbar NST bertarikh 8hb November, 2008 yang menerbitkan kata-kata di atas] seperti berikut:

"I refer to your report on page 4 of the NST headlined, "Stop it now, corrupt court staff warned. "

Your reporter must have interpreted what I said, which is that during that period there was corruption in order to get things done at the court registry, as myself having done it."

Yang mana adalah jelas merupakan satu penipuan yang mengakibatkan keseluruhan badan kehakiman yang diketuai oleh beliau mendapat nama buruk.

Dan Dewan ini mengambil notis, bahawa Surat Terbuka bertarikh 16hb Disember 2008 oleh YB. Ahli Parlimen kawasan Bukit Gelugor telah memanggil kepada Tan Sri Zaki Tun Azmi untuk meletak jawatan sebagai Ketua Hakim, Malaysia atas alasan bahawa beliau telah mengakui secara umum bahawa beliau telah melakukan rasuah pada tahun 1987 tetapi sehingga kini YB. Ahli Parlimen kawasan Bukit Gelugor masih belum menerima sebarang maklum balas daripada beliau dan ini jelas menunjukkan bahawa Tan Sri Zaki Tun Azmi mengakui diri beliau adalah korup.

Dan Dewan ini memanggil Perdana Menteri untuk mengguna pakai peruntukan Perkara 125(3), Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan merujuk Tan Sri Zaki Tun Azmi kepada satu Tribunal berdasarkan fasal 4 untuk memecat Tan Sri Zaki Tun Azmi daripada jawatan sebagai Ketua Hakim Negara atas alasan salah laku di mana beliau telah menipu secara umum.

Dan bahawa Tan Sri Zaki Tun Azmi adalah digantung kerja sebagai Ketua Hakim Negara sementara menunggu suatu laporan daripada Tribunal tersebut di bawah klausa 3.

Ahli-ahli yang Berhormat yang turut mengusulkan:-

- 2) YB Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
- 3) YB Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
- 4) YB Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- 5) YB Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- 6) YB Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- 7) YB Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- 8) YB Tuan Kulasegaran a/l Murugeson (Ipoh Barat)
- 9) YB. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy (Batu Kawan)

- 10) YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- 11) YB Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
- 12) YB Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
- 13) YB Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
- 14) YB Puan Teo Nie Ching (Serdang)
- 15) YB Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- 16) YB Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
- 17) YB Tuan Manogaran a/l Marimuthu (Telok Intan)
- 18) YB Dr. Charles Santiago (Klang)
- 19) YB Tuan Jef Ooi Chuan Aun (Jelutong)
- 20) YB Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
- 21) YB Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
- 22) YB Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- 23) YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
- 24) YB Tan Sri Dato' Khalid bin Ibrahim (Bandar Tun Razak)
- 25) YB Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
- 26) YB Tuan Gobalakrisnan a/l Nagapan (Padang Serai)
- 27) YB Tuan Zulkifli bin Nordin (Kulim Bandar Baharu)
- 28) YB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim (Permatang Pauh)
- 29) YB Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
- 30) YB Tuan Chua Tian Chang (Batu)
- 31) YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin (Ampang)
- 32) YB Dato' Johari Abdul (Sg. Petani)
- 33) YB Dato' Dr. Zainal Abidin Ahmad (Hulu Selangor)
- 34) YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang)

- 35) YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Lembah Pantai)
- 36) YB Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
- 37) YB Tuan Mohd. Yusmadi Bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
- 38) YB Tuan Haji Nasharudin Bin Mat Isa (Bachok)
- 39) YB Dato' Kamaruddin bin Jaffar (Tumpat)
- 40) YB Dato' Haji Wan Abd. Rahim Bin Wan Abdullah
(Kota Bharu)
- 41) YB Dr. Mohd. Hatta Bin Md. Ramli (Kuala Krai)
- 42) YB Dr. Lo' Lo' binti Haji Mohamed Ghazali (Titiwangsa)
- 43) YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang (Marang)
- 44) YB Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa)
- 45) YB Dr. Dzulkefly Bin Ahmad (Kuala Selangor)
- 46) YB Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Kota Raja)
- 47) YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusof (Rantau Panjang)
- 48) YB Tuan Azan Bin Ismail (Indera Mahkota)
- 49) YB Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
- 50) YB Dato' Rashid Bin Din (Merbok)
- 51) YB Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
- 52) YB Tuan Haji Ahmad Bin Kasim (Kuala Kedah)
- 53) YB Dr. Haji Mohd. Hayati Bin Othman (Pendang)
- 54) YB Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
- 55) YB Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
- 56) YB Tuan Haji Taib Azamudden Bin Md. Taib (Baling)
- 57) YB Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa (Parit Buntar)
- 58) YB. Tuan Muhamad bin Husain (Pasir Putih)

59) YB. Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)

60) YB. Tuan Mohd Nasir Bin Zakaria (Padang Terap)

61) YB. Tuan Mohd. Firdaus Bin Jaafar (Jerai)

62) YB. Tuan Che Uda bin Che Nik (Sik)

(Perdana Menteri)

17. PR-1221-U16591

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini terdapat rungutan para majikan terutama sekali dalam sektor industri tani, perladangan dan pembuatan bahawa mereka terpaksa mengambil atau mengimport tenaga kerja daripada negara luar kerana ketiadaan tenaga kerja dari negara ini. Dan mengambil maklum bahawa dengan kebanjiran tenaga kerja dari luar negara ini, banyak masalah sosial yang timbul selain daripada masalah ketenteraman awam. Selain itu tukaran asing negara juga turut terlibat dengan pemindahan wang yang berjumlah berjuta-juta ringgit sebulan setiap kali mereka mengirimkan wang ke negara asal mereka. Dan mengambil maklum bahawa terdapat ramai kanak-kanak yang tidak bernegara (stateless kids) pemegang IMM13 dan mereka yang diberikan status penduduk tetap di negeri Sabah dan juga negara Malaysia. Mereka ini merupakan sumber tenaga buruh yang sedia ada di negara ini dan kebanyakan mereka ini tidak lagi bercadang untuk kembali ke negara asal mereka dan sekali gus tukaran asing negara tidak terjejas kerana tidak ada kiriman wang yang dibuat. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menyediakan latihan vokasional kepada mereka yang dimaksudkan di atas bagi membolehkan mereka bekerja di negara ini dan sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada sumber tenaga kerja asing."

(Menteri Sumber Manusia)

18. PR-1221-U16629

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia memberi peluang kepada masyarakat India dan Cina menjawat jawatan di sektor perkhidmatan awam secara beramai-ramai."

(Perdana Menteri)

19. PR-1221-U16630
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk membina Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia demi memenuhi keperluan masyarakat India."

(Menteri Pelajaran)

20. PR-1221-U16698
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya Kerajaan mengenal pasti dan merancang satu sistem pelupusan sisa pepejal yang terbaik, bersepadu dan mesra alam dalam kadar seberapa segera mungkin bagi membolehkan sisa pepejal dapat di kitar semula sehingga lebih 70% supaya boleh ditukar dalam berbagai produk termasuk penjaan tenaga dan 30% sisa organik lain boleh dijadikan baja kompos setelah disimpan hanya beberapa bulan di tapak pelupusan sanitari. Cadangan ini dibuat memandangkan hampir semua negeri-negeri di seluruh negara mengalami masalah kekurangan tapak pelupusan sisa pepejal yang kemudian berkait dengan jadual kutipan sisa pepejal dan status kebersihan sekitar. Dalam masa yang sama usaha gigih perlu dibuat dalam melatih dan mendisiplinkan masyarakat melaksanakan sistem kitar semula sebagaimana yang dilaksanakan dalam negara maju bagi memudahkan pengurusan sisa pepejal di masa akan datang."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

21. PR-1221-U16702
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta supaya Pengajaran/Pembelajaran Sains dan Matematik (PPSM) terutama peringkat rendah sudah sampai masa di tukar balik pengajarannya dalam Bahasa Ibunda masing-masing memandangkan tahap pencapaian pelajar selepas satu kohot jelas kurang memuaskan terutama bagi pelajar luar bandar (Desa). PPSMI yang dilaksanakan sejak September 2002 adalah bertentangan dengan Dasar Kebangsaan, Akta Pendidikan 1961/1986/1996, Penyata Rahman Talib, 1960, Penyata Razak, 1956 serta akta-akta lain termasuk Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Oleh itu kita perlu kembali kepada dasar yang betul iaitu Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dibuat oleh Kerajaan sendiri."

(Menteri Pelajaran)

22. PR-1221-U16704

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya Kerajaan membina banyak lagi empangan di hulu sungai bagi membantu mendapatkan bekalan air bersih tanpa pencemaran yang tinggi sebagaimana amalan sekarang di mana punca air diambil dari sungai yang sudah tercemar."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

23. PR-1221-U16710

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia supaya tidak membazir wang yang banyak dalam menyediakan Pasukan Keselamatan yang terlalu ramai bagi menjaga keselamatan dalam mana-mana pilihan raya kecil bagi memastikan demokrasi berjalan lancar kerana rakyat makin matang dan bersedia mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak keselamatan apabila ruang dan peluang yang sama dan adil diberi kepada parti-parti yang bertanding. Sebaliknya bilangan Pasukan Keselamatan yang terlalu ramai boleh mewujudkan suasana tegang, tidak selesa dan risau kepada pengundi."

(Menteri Dalam Negeri)

24. PR-1221-U16788

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan untuk mengambil pendirian mengenai kezaliman yang sedang berlaku di Negara Palestin dan Sri Lanka yang tidak menghormati hak asasi manusia sehingga membunuh beribu-ribu nyawa yang tidak bersalah."

(Menteri Luar Negeri)

25. PR-1221-U16790

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan harus mengubahsuaikan cara koordinasi yang baru melalui penubuhan satu suruhanjaya untuk memantau kemajuan sekolah SK, SJK(C) dan SJK(T) serta pengambilan guru-guru tetap di sekolah-sekolah ini secara seimbang."

(Menteri Pelajaran)

26. PR-1221-U16990

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan setakat mana Pasukan Polis Diraja berjaya melaksanakan syor-syor Laporan Suruhanjaya Diraja, pengambilan rekrut untuk mencapai bilangan 150,000 anggota dan keberkesanan untuk menjaga keselamatan di seluruh negara."

(Menteri Dalam Negeri)

27. PR-1221-U16991

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menghadapi tsunami kewangan termasuk sebab musabab harga diesel, gas dan petrol tidak boleh diturunkan lagi."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

28. PR-1221-U17074

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

(Menteri Luar Negeri)

29. PR-1221-U17085

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa bekas Menteri Luar Negeri (1999), Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar dikenakan tindakan di bawah Peraturan Tetap 13(2) dan dibawa ke Jawatankuasa Disiplin kerana berbohong di Dewan Rakyat yang mulia pada 15 Julai 1999. Pada hari tersebut ketika membentangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 yang dirujuk di dalam Hansard Jilid V, Bil. 24, 15 Julai 1999, p.67 berkata:-Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan bahawa akta Suruhanjaya ini memenuhi Prinsip-prinsip Paris, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat juga telah diberi perhatian selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Menurut laporan dan cadangan International Coordinating Committee (ICC) bertarikh 21 April 2008 di Geneva, penggubalan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 tidak berlandaskan kepada Prinsip Paris sehingga kedudukan Malaysia mungkin diturunkan dari "A" kepada "B".

(Perdana Menteri)

30. PR-1221-U17179

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan dengan ini memutuskan agar setiap penduduk di Sabah yang telah dan sedang mendaftar sebagai Daftar Lewat Sijil Kelahiran yang terkandung dalam Undang-undang Pendaftaran Sijil Kelahiran juga mengguna pakai Ordinan Kelahiran Sabah, Cap 123 tahun 1953 yang disatukan sebagai undang-undang sewaktu pembentukan negara Malaysia pada 16 September 1963 dalam Akta Pendaftaran Kelahiran."

(Menteri Dalam Negeri)

31. PR-1221-U17183

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan dengan ini menetapkan untuk membincang berkaitan tarikh pembentukan negara Malaysia agar perkara ini tidak lagi dipertikaikan dan tarikh tersebut dapat dicatatkan ke dalam rekod Kerajaan dan dapat dicetak ke dalam buku sejarah yang diguna dalam pendidikan sejarah di sekolah-sekolah dan pengajian tinggi."

(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

32. PR-1221-U17188
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-
- " Bahawa Dewan dengan ini dapat membincang dengan seriusnya mengenai kedudukan Cabotage Policy agar polisi ini tidak mengetepikan hak rakyat Sabah dalam pengangkutan perkapalan laut serta tidak membezakan harga barangan seharian bagi Semenanjung dan Sabah / Sarawak."
- (Menteri Pengangkutan)**
33. PR-1221-U17960
Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan harus menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dengan segera. Ini dapat dijelaskan melalui SUHAKAM. SUHAKAM menyatakan bahawa ISA menahan seseorang tanpa bicara bertentangan dengan deklarasi Hak Asasi Manusia. Dalam laporan dan kajian SUHAKAM mencadangkan agar akta zalim itu dimansuhkan sepertimana hasil kajian yang telah dihantar kepada Kerajaan sejak tahun 2003."
- (Perdana Menteri)**
34. PR-1221-U17966
Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan membahaskan dan memindahkan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 (Akta 597) sepertimana ditegaskan oleh The International Coordinating Committee (ICC) bahawa beberapa perkara tidak jelas dan mematuhi prinsip-prinsip Paris dan kemungkinan diturunkan dari status A ke B. Berdasarkan pemerhatian oleh ICC, SUHAKAM diberi tempoh sehingga April 2009 sahaja dan Kerajaan harus memberi perhatian serius untuk mempertahankan status SUHAKAM."
- (Perdana Menteri)**
35. PR-1221-U18080
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
- "Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Yang Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang negara."
- (Menteri Penerangan)**

36. PR-1221-U18084
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan Tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

37. PR-1221-U18087
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

38. PR-1221-U18090
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

39. PR-1221-U18093
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB. Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Perdana Menteri)

40. PR-1221-U18211

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibentangkan kepada Panel Penilaian Bebas untuk dinilai dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara, kemudian dibahaskan dalam Parlimen, demi mempertingkatkan integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian sistem pertahanan. Ini adalah berikutan dari kes prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara mengenai pembelian 12 unit EC-725 telah mendatangkan kesan positif dalam menjelaskan proses pembelian aset pertahanan kepada rakyat umum."

(Menteri Pertahanan)

41. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

'Islam adalah agama bagi Persekutuan **termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya**'.

(Perdana Menteri)

42. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

'Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, **kecuali undang-undang dan syariat Islam**, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat ia berlawanan itu'.

(Perdana Menteri)

43. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

‘Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, **termasuk menukar agamanya kecuali bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam.**

Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya’.

(Perdana Menteri)

44. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut:-

‘tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan’ dan diganti dengan perkataan berikut:-

‘dan mempunyai bidang kuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam hukum syarak’ dan undang-undang Islam termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syarak dan undang-undang Islam’.

Dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas”.

(Perdana Menteri)

45. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah memansuhkan dan menghapuskan semua amalan dan upacara bertafakur yang diadakan di hadapan Tugu Negara dan semua langkah yang berkesan dan efektif diambil agar anggota tentera, polis dan lain-lain anggota beruniform tidak dipaksa dan/atau diarah melakukan upacara dan amalan kawad hormat dan/atau bertafakur di hadapan Tugu Negara”.

(Menteri Dalam Negeri)

46. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan autoriti mengatasi kesemua Mufti-mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dengan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang Dipertuan Agong dan Majlis Raja-raja”.

(Perdana Menteri)

47. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Palestin**’ dengan Perdana Menteri sendiri sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

(Menteri Luar Negeri)

48. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya peruntukan pembangunan berjumlah RM1,000,000-00 dan lain peruntukan yang selama ini diberikan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional juga diberikan kepada kesemua Ahli Parlimen termasuk dari bukan Kerajaan menurut terma dan syarat sebagaimana yang diberikan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional”.

(Menteri Kewangan)

49. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal Islam dalam negara ini dengan tujuan untuk memartabatkan, memperkukuhkan dan mempertahankan hal ehwal Islam dan menamakan badan ini sebagai **‘Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Islam’** dengan Perdana Menteri sendiri sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

(Perdana Menteri)

50. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai **‘Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Masyarakat India’** dengan Menteri Kewangan sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

(Menteri Kewangan)

51. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta memansuhkan pengajian mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dan menggantikan ia dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengajian mata pelajaran tersebut”.

(Menteri Pelajaran)

52. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan atau halangan”.

(Menteri Penerangan)

53. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta”.

(Menteri Dalam Negeri)

54. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan / atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Air Asia supaya kakitangan wanitanya terutama pramugari hendaklah berpakaian yang lebih sopan sekurang-kurangnya seperti pramugari Penerbangan Malaysia”.

(Menteri Pengangkutan)

55. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan / atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia dan Air Asia supaya membenarkan kakitangan wanitanya yang beragama Islam khususnya pramugari dibenarkan memakai tudung menurut yang ditetapkan oleh hukum syarak' dengan pakaian seragam yang bersesuaian sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Saudi Air, Emirates Airways, Brunei Airline dan lain-lain”.

(Menteri Pengangkutan)

56. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras sebagaimana yang memabukkan semasa di dalam penerbangan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan lain seperti Saudi Air, Emirates Airways, Brunei dan lain-lain”.

(Menteri Pengangkutan)

57. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat perniagaan runcit Seven-Eleven (7-11) dilarang sama sekali daripada menjual arak dan/ atau apa-apa minuman keras yang memabukkan serta sebarang bentuk kondom di premisnya”.

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

58. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militan Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islam Malaysia (JI), Kumpulan Al-Maunah dan lain-lain jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi”.

(Menteri Dalam Negeri)

59. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militan Hindu Hindraf dan jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi”.

(Menteri Dalam Negeri)

60. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid Jame’ Bandaraya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak Masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkukuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan solat terutamanya solat Jumaat dan kedua Aidilfitri dan Aidiladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini”.

(Perdana Menteri)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2009</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST9	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Koko Malaysia (LKM) Bagi Tahun 2007 (Telah Diaudit).	23 Februari 2009
ST.12	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Tenaga Bagi Tahun 2007 (Telah Diaudit).	23 Februari 2009
ST.13	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Bagi Tahun 2007 (Telah Diaudit).	23 Februari 2009
ST.14	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Bagi Tahun 2007 (Telah Diaudit).	23 Februari 2009
ST.16	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tembakau Negara Bagi Tahun 2007(Telah Diaudit)	23 Februari 2009
ST.27	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia Bagi Tahun 2007 (Telah Diaudit)	23 Februari 2009